

Nama : Eunice Lim Xian Ni

Matriks No : A20EC0034

Pendidikan amat penting untuk mengembangkan pemikiran kita supaya kita dapat berfikir matang dan rasional. Menurut Falsafah Pendidikan Negara Kebangsaan (FPK) Malaysia, kita dapat menyimpulkan negara kita lebih berfokus kepada sahsiah diri iaitu jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (JERIS). Di sebaliknya, falsafah pendidikan di Korea Selatan berfokus kepada tahap kemahiran pemikiran serta nilai-nilai mulia agar mampu menyumbang kepada pembangunan negara.

Jika diselami, kaedah pengajaran dan pembelajaran di Korea Selatan adalah lebih berfokus kepada penyelesaian masalah. Murid-murid sering diberi soalan Matematik dan mereka perlu membuat perbincangan di kelas manakala di Malaysia menggunakan cara Pembelajaran Berasaskan Hasil yakni aktiviti pembelajaran disediakan agar semua pelajar dapat mencapai matlamat yang dirancang.

Dalam konteks lain, falsafah pendidikan di Finland tidak berorientasikan peperiksaan, maksudnya mereka tidak perlu mengambil ujian awal yang tetap sehingga umur 16 tahun. FPK Malaysia pula berorientasikan peperiksaan. Pelajar wajib menduduki peperiksaan awam supaya dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat seterusnya.